

KERTAS KERJA CADANGAN DASAR PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan kepada ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti Malaysia Pahang mengenai Dasar Penerbitan Artikel Dalam Jurnal.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengurusan penerbitan artikel dalam jurnal mula dilaksanakan pada bulan Februari 2009 dan bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- 2.2 Bilangan artikel yang diterbitkan dalam jurnal yang mempunyai faktor impak semakin meningkat dari tahun ke tahun yang mana pada tahun 2008 mempunyai 4 artikel, tahun 2009 11 artikel dan sehingga bulan Mei 2010 11 artikel yang mempunyai faktor impak.
- 2.3 Universiti Malaysia Pahang telah memperuntukan sebanyak RM100,000.00 bagi staf UMP untuk menerbitkan artikel mereka di dalam jurnal-jurnal yang mempunyai faktor impak.

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Dasar ini adalah perlu atas justifikasi berikut:
 - 3.1.1 Meningkatkan bilangan artikel dalam jurnal yang mempunyai faktor impak.
 - 3.1.2 Sebagai garis panduan bagi staf UMP untuk menerbitkan artikel dalam jurnal.
 - 3.1.3 Menjadi panduan kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi untuk membuat kelulusan penerbitan artikel dalam jurnal yang diterima.
 - 3.1.4 Semua staf akademik dan bukan akademik.

4.0 CADANGAN

4.1 Jenis Pembiayaan

Jenis-jenis pembiayaan adalah seperti berikut:-

- A) Perkhidmatan Universiti (Akaun Kod 529100)
- B) Geran Penyelidikan Jangka Panjang
 - B(1) Geran Sciencefund
 - B(2) Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)
 - B(3) Scientific Advancement Grant Allocation (SAGA)
- C) Geran Penyelidikan Jangka Pendek (UMP)
- D) Geran Agensi Luar

A) Perkhidmatan Universiti (Akaun Kod 529100)

Pembiayaan yuran pendaftaran artikel dalam jurnal menggunakan akaun perkhidmatan university (akaun kod 529100).

A(1) Kelayakan

Pensyarah, guru dan staf bukan akademik yang berkhidmat dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

A(2) Syarat-Syarat

- 1 Hanya artikel dalam jurnal yang menunjukkan afiliasi penulis dengan UMP dan mempunyai faktor impak sahaja dibiayai.
- 2 Bagi bidang Sains, jurnal yang terdapat dalam *ISI Jurnal Citation Report, Science Edition* dan bidang Sains Sosial / Sastera, jurnal yang terdapat dalam *ISI Jurnal Citation Report, Social Sciences Edition* akan diberi keutamaan.
- 3 Perkhidmatan “page charges” dibiayai bagi tujuan penambahbaik tata bahasa bagi artikel yang akan diterbitkan dalam jurnal yang mempunyai faktor impak sahaja.
- 4 **Kelulusan akan diberikan berdasarkan kepada kedudukan** Staf yang dilantik secara kontrak juga layak di pertimbangkan.
- 5 Keutamaan diberikan kepada pemohon yang memperolehi sebahagian keperluan kewangan daripada penganjur atau badan luar dan artikel tanpa bayaran pendaftaran (unpaid journal)

**B) Geran Penyelidikan Jangka Panjang
(Sciencefund, FRGS, SAGA Dan Agensi Luar)**

Pembiayaan yuran pendaftaran artikel dalam jurnal menggunakan peruntukan Geran Penyelidikan Jangka Panjang.

B(1) Kelayakan

Semua staf akademik dan bukan akademik (ahli penyelidik) yang mempunyai Geran Penyelidikan layak memohon jika peruntukan mencukupi.

B(2) Syarat – Syarat

- 1 Hanya artikel dalam jurnal dari hasil kajian yang menunjukkan afiliasi penulis dengan UMP dan mempunyai faktor impak sahaja dibiayai.
- 2 Bagi bidang Sains, jurnal yang terdapat dalam *ISI Jurnal Citation Report, Science Edition* dan bidang Sains Sosial / Sastera, jurnal yang terdapat dalam *ISI Journal Citation Report, Social Sciences Edition* akan diberi keutamaan.
- 3 Perkhidmatan “page charges” dibiayai bagi tujuan penambahbaik tata bahasa bagi artikel dari hasil kajian yang akan diterbitkan dalam jurnal yang mempunyai faktor impak sahaja.

Kelulusan akan diberikan berdasarkan kepada kedudukan kewangan yang mencukupi di dalam Vot V29000 (Professional Services).

- 4 Keutamaan diberikan kepada artikel tanpa bayaran pendaftaran (unpaid journal)

C) Geran Penyelidikan (Geran Penyelidikan Jangka Pendek UMP)

Pembiayaan yuran pendaftaran artikel dalam jurnal menggunakan peruntukan Geran Penyelidikan Jangka Pendek UMP.

C(1) Kelayakan

Semua staf akademik dan bukan akademik (ahli penyelidik) yang mempunyai Geran Penyelidikan layak memohon jika peruntukan mencukupi.

C(2) Syarat – Syarat

- 1 Hanya artikel dalam jurnal dari hasil kajian yang menunjukkan afiliasi penulis dengan UMP dan mempunyai faktor impak sahaja dibiayai.
- 2 Bagi bidang Sains, jurnal yang terdapat dalam *ISI Jurnal Citation Report, Science Edition* dan bidang Sains Sosial / Sastera, jurnal yang terdapat dalam *ISI Jurnal Citation Report, Social Sciences Edition* akan diberi keutamaan.
- 3 Perkhidmatan “page charges” dibiayai bagi tujuan penambahbaik tata bahasa inggeris bagi artikel hasil dari kajian yang akan diterbitkan dalam jurnal yang mempunyai faktor impak sahaja.

Kelulusan akan diberikan berdasarkan kepada kedudukan kewangan yang mencukupi di dalam Vot V29000 (Professional Services).

- 4 Keutamaan diberikan kepada artikel tanpa bayaran pendaftaran (unpaid journal)

5.0 SYOR

Ahli Jawatankuasa Tetap Kewangan dengan hormatnya dipohon untuk mengambil maklum Dasar Penerbitan Artikel Dalam Jurnal seperti yang dicadangkan

LAMPIRAN 1

**PERBANDINGAN DASAR ANTARA IPTA DENGAN CADANGAN DASAR
BAGI UMP**

IPTA	DASAR
USM	Dasar Penerbitan artikel dalam jurnal di USM yang mana pembiayaan pendaftaran artikel adalah di bawah kawalan Pejabat Pusat Pengurusan Penyelidikan (RCMO) diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Artikel yang mempunyai faktor impak 0.2 ke atas sahaja akan dibiayai. Bagi penerbitan artikel yang menggunakan peruntukan geran penyelidikan tidak terikat dengan syarat tersebut.
UTHM	Dasar penerbitan artikel dalam jurnal di UTHM yang mana pembiayaan menggunakan peruntukan Universiti, permohonan akan mendapat sokongan oleh Unit Penerbit dan diluluskan oleh Dekan Fakulti, bagi permohonan menggunakan geran penyelidikan sokongan oleh Unit Penerbit dan diluluskan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan. Permohonan artikel dalam jurnal yang mempunyai faktor impak adalah digalakkan.